

Suara

EDISI JUN - DISEMBER 2022



MITASA



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

MITASA

**50 TAHUN
SETIA
BERSAMA
ANAK BANGSA**



EDITORIAL

Ketua Pengarang

MOHD AMIRUL AKHBAR
MOHD ZULKIFLI

Penasihat

AHMAD FAISAL MOHAMED FIAH

Editor Bersekutu

DR FARIDAH HUSSAIN

Editor Bersekutu

DR MAZLAN CHE SOH

Eksekutif Media

SITI FATIHAH AWANG



50 TAHUN SETIA BERSAMA

Presiden MITASA merangkap Penasihat Suara MITASA,
Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah.

Tahun ini merupakan tahun yang cukup bermakna bukan sahaja buat Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM, MITASA tetapi kepada semua warga pensyarah khususnya di Universiti Teknologi MARA.

MITASA yang telah berusia separuh abad adalah bukti kepada manifestasi dan aspirasi warga pendidik yang komited terhadap pembangunan anak bangsa.

Saya sendiri seakan dibuai mimpi kerana diberi peluang untuk mengetuai organisasi yang gah dah hebat ini namun tugas dalam mengekalkan kehebatan MITASA tidak hanya terletak di bahu saya seorang dan ia juga merupakan tanggungjawab bersama baik di kalangan jawatankuasa eksekutif, penyelaras cawangan serta yang tidak dilupakan ahli MITASA di serata pelosok negara.

Kita seharusnya berbangga kerana kita terus tabah dalam menggalas tanggungjawab bukan sahaja sebagai pendidik malahan sebagai warga UiTM yang terus menumpahkan segala keringat dan hasilnya kita boleh lihat pada kejayaan yang diraih anak-anak didik kita semua.

Kita juga tidak boleh melupakan segala jasa dan bakti yang telah mereka yang curahkan, yang berupa tenaga serta wang ringgit di awal penubuhan MITASA, 50 tahun lalu hingga menjadi MITASA yang ada pada hari ini.

Tidak dilupakan juga buat mantan-mantan presiden, ahli jawatankuasa

eksekutif serta ahli MITASA dan kakitangan yang telah pergi mendahului kita, sesungguhnya jasa mereka hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya. Semoga roh mereka semua ditempatkan di kalangan mereka yang beriman.

Bagi orang-orang "lama" MITASA baik yang masih berada dalam UiTM ataupun yang telah bersara, tuan-tuan dan puan-puan juga adalah insan yang hebat. Tidak semua yang sanggup berdepan dengan badai dan cabaran namun saya percaya segalanya telah dicurahkan dengan penuh keikhlasan demi melihat MITASA maju bersama-sama UiTM.

Sungguhpun MITASA telah meniti suatu usia yang cukup matang, namun janganlah kita leka atau terus dibuai dengan keselesaan.

Saya juga ingin menyeru kepada semua pensyarah UiTM yang masih lagi belum menjadi ahli, belum terlambat untuk anda semua bersama-sama MITASA.

Sememangnya MITASA merupakan sebuah kesatuan sekerja namun apa yang lebih penting, MITASA juga ibarat sebuah keluarga besar yang tidak boleh dinafikan kekuatannya.

Di kesempatan ini, saya ingin melahirkan jutaan penghargaan kepada semua ahli yang bersama-sama kita hingga ke saat ini dan diharapkan terus bersama MITASA hingga ke penghujung perkhidmatan.



Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa eksekutif MITASA penggal 2021-2023 di atas komitmen yang dipamerkan selama ini khususnya komitmen dalam memastikan sambutan jubli emas ini dapat dijayakan.

Saya ingin memohon kemaafan daripada semua andai kata sepanjang saya dan rakan-rakan lain mengetuai MITASA ini terdapat khilaf atau salah dan silap. Andai kata ia berlaku, janganlah segan silu dalam menegur kami kerana kami percaya segala teguran dan khidmat nasihat adalah untuk kebaikan MITASA dan UiTM.

Terima kasih dan terus setia bersama MITASA.

SUARA MITASA, BUKAN SEKADAR WADAH

Ketua pengarang Suara MITASA merangkap EXCO MITASA, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli.

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, tahun 2022 membawa pengertian yang amat besar khususnya kepada warga akademik di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Ini kerana Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-50.

Ia menunjukkan satu tempoh yang cukup matang bagi sebuah kesatuan yang mewakili suara ahli-ahli akademiknya. Bermula dengan hanya dikenali sebagai sebuah Pusat Latihan RIDA, kini UiTM adalah antara institusi pengajian pendidikan awam yang telah



begitu banyak menyumbang kepada aspek guna tenaga negara. Selari dengan itu, tanggungjawab dan beban pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan ahli-ahli akademik turut bertambah.

Dalam hal ini MITASA terus komited memainkan peranannya dalam menjaga hal ehwal kebajikan ahli-ahli akademik di UiTM tidak kira sama ada mereka adalah ahli MITASA atau bukan ahli. Cabaran dan beban yang digalas oleh ahli-ahli akademik pada hari ini memerlukan "daya stamina" yang konsisten dalam usaha memenuhi aspirasi penubuhan UiTM itu sendiri, khususnya yang melibatkan orang-orang melayu dan bumiputra Sabah dan Sarawak.

Bak kata pepatah melayu "air yang tenang jangan disangka tidak ada buayanya" begitulah juga dengan profesion ahli akademik yang umum hanya melihatnya

sebagai yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran tapi hakikatnya adalah jauh melangkaui aspek itu.

Untuk menghasilkan modal insan yang serba boleh sudah tentu memerlukan mereka yang mengajar turut memiliki ilmu pengetahuan dan pengalaman yang turut serba boleh sifatnya. Untuk itu perlu wujud satu sinergi yang melibatkan universiti dan tenaga akademik. Di sinilah peranan MITASA yang bertindak sebagai jambatan bagi kedua belah pihak kerana akhirnya kita menginginkan tercapainya situasi menang-menang.

Bagi mencapai semua agenda harmoni tersebut, pelbagai program telah dirancang dengan teliti dan berfokus oleh exco-exco yang bertanggungjawab menjaga MITASA. Maka terhasillah juga Suara MITASA ini bagi menjadi bukti wadah yang diperjuangkan ini di masa hadapan. Alhamdulillah, Suara MITASA juga sudah sampai ke edisi seterusnya kali ini dengan terkumpulnya semua aktiviti yang dilakukan sepanjang tahun.

Semoga kita berjumpa lagi dalam wadah seterusnya, bersama MITASA dalam membangun pendidikan dan modal insan yang berguna untuk agama, bangsa dan negara. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk terus bersatu dibawah payung MITASA tidak kira sama ada ketika senang mahupun di saat yang sukar. Selamat menyambut 50 tahun MITASA UiTM!

Majlis Presiden Persatuan Akademik Universiti Awam Malaysia atau lebih dikenali sebagai MPPA yang merupakan badan gabungan 21 buah persatuan kakitangan akademik seluruh universiti awam di Malaysia telah menganjurkan satu Forum bertajuk "Kecemerlangan Akademia di Era Digitalisasi Pendidikan" pada 31 Januari yang lalu bertempat di Dewan Seminar Office Of International Affairs (OIA) UITM Shah Alam.

Antara ahli panel yang menyertai forum ini adalah Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn, Professor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly. Turut menjayakan program ialah Pengarah Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademia, USM, Prof Dr. Abdul Karim Alias, Naib Presiden Bahagian Hal Ehwal Awam & Komunikasi, Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd, Rita Irina Abd Wahab, dan Timbalan Pengerusi Kluster Pendidikan & Pembangunan Insan, Akademi Profesor Malaysia, Prof Dr. Zoraini Wati Abas.

Forum tersebut dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad melalui video tayangan montaj.

Datuk Seri Dr. Noraini dalam ucapan perasmianya memberitahu, beliau yakin forum berkenaan mampu mengupas dengan lebih mendalam dari sudut akademia, industri dan universiti selain mampu memberi buah fikiran yang bernas kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi khususnya dan Universiti Awam amnya berhubung dengan cabaran serta masa depan era digitalisasi

KECERMELANGAN AKADEMIA DI ERA DIGITAL PENDIDIKAN



pendidikan, terutamanya pasca Covid-19.

Ahli panel yang hadir juga turut berkongsi pandangan masing-masing menerusi forum tersebut yang dikendalikan oleh moderator yang juga Pengerusi MPPA, Ahmad Faisal Mohamed Fiah.

Forum ini juga diadakan dengan mengambil kira situasi semasa yang berlaku di seluruh dunia dan Malaysia iaitu ketika seluruh masyarakat dunia menggunakan peranti digital seperti telefon pintar, tablet, internet dan sebagainya. Ia dapat memperlihatkan sesuatu yang positif bagaimana negara-negara besar mengatur atau mentadbir akademia pada era digitalisasi ini.



MESYUARAT PERTAMA EXCO MITASA SESI 2021-2023



Mesyuarat Ahli Majlis pertama telah diadakan pada 18 Januari di Mardhiyyah Hotel & Suite, Shah Alam selepas selesai Mesyuarat Agung Dwi Tahunan pada 28 Disember 2021 lalu.

Meletakkan agenda pemantapan penyampaian kepada ahli, menjadi fokus utama MITASA di bawah Presiden, Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah kali ini. Selain itu, pembangunan dan perancangan strategik aktiviti

2021-2023 MITASA juga dijadikan perbincangan utama pertemuan berkenaan.

Selain itu, mesyuarat berkenaan juga turut mengalu-alukan kehadiran exco yang baharu iaitu Ts. Nor Azlin Rosli dari UiTM Jasin, Puan Nor Afzan dari UiTM Kampus Raub, Puan Atifah dari UiTM Dengkil dan Encik Hisyam dari UiTM Shah Alam.

Exco-exco yang juga telah bersetuju untuk membahagikan tugas masing-masing dengan penubuhan biro bagi memastikan setiap gerak kerja yang dilakukan lebih teratur dan sistematik, selain sampai ke kumpulan sasaran.

Antara biro yang ditubuhkan ialah :

1. **Biro Penyelidikan dan Penerbitan**
(En. Amirul Akhbar Mohd Zulkifli dan Dr. Faridah Hussain)
2. **Biro Ekonomi**
(Dr. Normaly Kamal Ismail)
3. **Biro Sukan dan Rekreasi**
(En. Hisyam Che Mat)
4. **Biro Aduan dan Disiplin**
(En. Saharudin Lin)
5. **Biro Wanita dan Kebajikan**
(Datin Marina Ismail)
6. **Biro Keahlian dan Promosi**
(Puan Nurul Atifah Othman dan Ts. Nor Azlin Rosli)
7. **Biro Pendidikan dan Latihan**
(Dr. Irini Ibrahim dan Puan Nurul Afzan Najid)





MESYUARAT AGUNG MITASA KALI KE-35 DAN PELANCARAN LOGO MITASA 50 TAHUN



Mesyuarat Agung MITASA kali ke-35 mencatatkan sejarah tersendiri apabila turut diadakan pelancaran untuk logo penubuhan MITASA 50 tahun. Sebanyak 30 penyertaan diterima dan pemenang utama telah dimenangi oleh Encik Fairuz Khalid dari Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi, UiTM Jasin yang berjaya membawa balik wang tunai RM500 dan sijil penghargaan.

Empat hadiah saguhati masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM100 dan sijil penghargaan dan mereka adalah Cik Tartila Saari, Pelajar Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Grafik (Kepujian), UiTM Shah Alam, Encik Noor Salimi Hassan, Bahagian Pengambilan Pelajar, UiTM Shah Alam, Cik Nur Nabihah Md Saleh, pelajar Ijazah Sarjana muda Farmasi, Kampus Puncak Alam dan Puan Norfadzilah Abd Manap dari Pejabat Infrastruktur, UiTM Shah Alam.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Profesor Dr. Mohd Sazili Shahibi.

Dalam pada itu, Mesyuarat Agung Dwi Tahunan kali ke-35 itu turut dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kongres Kesatuan

Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang diketuai oleh Presidennya, Dato Adnan Mat.

Turut hadir, Timbalan Presiden 1 CUEPACS, Aminuddin Awang, Setiausaha Agung, Abdul Rahman Mohd Nordin, Timbalan Setiausaha Agung 1, Mohd Fadil Mohd Noor, Timbalan Setiausaha Agung II, Roestam Dzahar, Setiausaha Kewangan, Sdr Roslan Nordin dan Timbalan Setiausaha Kewangan, Md Hisham Othman.

Dato Adnan Mat melahirkan rasa bangga dengan pencapaian Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) dalam memperjuangkan nasib dan kebajikan kakitangan khususnya kakitangan akademik.

Katanya, dengan usia MITASA yang mencecah separuh abad, badan ini masih terus utuh menunjukkan komitmen dan kesungguhan dalam memartabatkan kerjaya pensyarah terutamanya pensyarah UiTM.

Bagi CUEPACS, mereka berbangga untuk mempunyai ahli gabungan yang terus aktif menyumbang bukan sekadar terhadap CUEPACS malahan terhadap perkhidmatan awam umumnya.



BENGKEL PEMANTAPAN PENSYARAH UiTM

Satu Bengkel Pemantapan Pensyarah UiTM telah diadakan bertempat di Hotel GBW, Johor Bharu pada 17 hingga 19 Mac lalu dengan bertujuan untuk mengupas beberapa perkara yang menyentuh tentang kebajikan dan kemajuan kerjaya di kalangan staf akademik UiTM.

Menurut Presiden MITASA, Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah, bengkel berkenaan juga menjadi medan utama bagi membuahakan beberapa percambahan idea sekali gus dapat digunakan untuk diperhalusi dan dibawa kepada tindakan pihak pengurusan tertinggi Universiti Teknologi MARA. Bengkel ini juga memberikan perhatian kepada beberapa fokus utama melibatkan hala tuju masa depan pensyarah UiTM dan isu berkaitan dengan MyATP dan kenaikan pangkat.



KUNJUNGAN HORMAT

Bukan hanya mengadakan aktiviti bermanfaat untuk ahli, namun Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) juga telah mengadakan beberapa kunjungan hormat kepada beberapa pihak tahun ini bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama dengan pihak-pihak berkenaan dalam memantapkan lagi perkhidmatan kakitangan akademik UiTM.

Antaranya ialah kunjung hormat ke atas Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UiTM Prof Datin Dr. Suzana Sulaiman. Selain itu, MITASA juga turut mengadakan pertemuan dengan rektor-rektor kampus seluruh Malaysia dan antara salah satu program bersama ahli ialah Sembang Santai Presiden MITASA bersama ahli MITASA UiTM Sarawak, Disember lalu.

Bukan sahaja pentadbir UiTM, MITASA selaku sekretariat MPPA juga telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Profesor Datuk Dr. Husaini Omar, Julai lalu. Pelbagai input dibincangkan kedua-dua pihak bagi menghasilkan modal ilmu yang berguna untuk masa hadapan.



SAMBUTAN HARI AKADEMIA DI PAHANG



Pada 5 Oktober lalu, MITASA turut menganjurkan 'Morning Tea' Sempena Hari Akademi 2022 di D'Tasek Sate Pak Harun, Raub Pahang yang

dihadiri 30 akademik Pahang. Tujuan penganjuran berkenaan adalah untuk meraikan para akademik sempena Hari Akademi 2022.



MITASA SERTAI KONVENSyen AKADEMIK KEBANGSAAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2022 (KAKUAM 4)



Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA) yang juga merupakan ahli gabungan Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) telah menghantar delegasi bagi menyertai Konvensyen Akademik Kebangsaan Universiti Awam Malaysia 2022 (KAKUAM 4.). Penganjuran KAKUAM 4 kali ini telah dianjurkan oleh MAAC dengan dibantu oleh PPAUPM dan diadakan di Auditorium Rashdan Baba, UPM, Serdang pada 6 Oktober 2022. Matlamat penganjuran KAKUAM 4 adalah sebagai tempat persidangan di kalangan persatuan kakitangan akademik universiti awam, serta ahli akademik untuk duduk dan berbincang tentang isu dan cabaran dihadapi staf akademik, sekaligus mencari cadangan untuk mengatasinya

menerusi resolusi yang disediakan hasil maklumbalas ahli.

Program sehari ini antara lain menampilkan ucpatama oleh Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr. Raduan Che Rose. Dua forum telah diadakan iaitu "Meningkatkan Martabat Ahli Akademik" dimana Presiden MITASA, Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah turut dijemput sebagai ahli panel. Forum kedua pula ialah "Kecemerlangan Ahli Akademik".

Umumnya, KAKUAM 4 adalah merupakan platform yang disediakan bagi semua pemegang taruh untuk bersama-sama menyumbang ke arah mempertingkatkan martabat ahli akademik.

TAHUN

1971-1972

1972-1973

1973-1974

1974-1975

1975-1976

1976-1977

1977-1978

1978-1979

1979-1980

1980-1981

1981-1982

1982-1983

1983-1984

1984-1985

1985-1986

1986-1987

1987-1989

1989-1991

1991-1993

1993-1995

1995-1997

1997-1999

(7-27 SEPT 1999)

(18 SEPT 1999-

1 JAN 2000)

4 JULAI 2000

2001-2003

2003-2005

2005-2007

2007-2009

2009-2011

2011-2013

2013-2015

2015-2017

2017-2019

2019-2021

2021-2023

PRESIDEN

MD TAHIR ABD MAJID

KADIR HASSAN

JAMES PADIAN

JAMES PADIAN

SHAMSLAH BEGUM SUBILAH

S.KANNASEELAM

MUNIS PARAN

MUNIS PARAN

OTHIMAN ZAINAL

DR KATNI KAMSONO KIRAT

HARUN ABD GHANI

HARUN ABD GHANI

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

AB RASHID MAIDIN

ABDULLAH @ KASSIM MOHAMAD

MOHD RAJIB ABD GHANI

MOHD RAJIB ABD GHANI

MOHD RAJIB ABD GHANI

MOHD RAJIB ABD GHANI

MOHD RAJIB ABD GHANI

USTAZ FADZILLAH SHUB

ISMAIL ABD REJAB

DR ADNAN AHMAD

ALI DINA

AB LATIFF ISHAK

AB LATIFF ISHAK

AB LATIFF ISHAK

AB LATIFF ISHAK

AB LATIFF ISHAK,

DR NORMALY KAMAL ISMAIL

DR NORMALY KAMAL ISMAIL

DR NORMALY KAMAL ISMAIL

DR NORMALY KAMAL ISMAIL

AHMAD FAISAL MOHAMED FLAH

AHMAD FAISAL MOHAMED FLAH

TIMBALAN PRESIDEN

LIM SEAH FENG

C APPARAO

WAN GHIAZALI AHMAD

J.E. VAS

HALIM DON

FAUZIAH AHMAD

FAUZIAH AHMAD

OTHIMAN ZAINAL

DR KATNI KAMSONO KIRAT

IDRIS KAHAR

MOHD SHIF ISMAIL

OTHIMAN ZAINAL

BUNHORY ISMAIL

AB RASHID MAIDIN

AB RASHID MAIDIN

RUSTAM ABBAS

ADNAN ABDULLAH

DR KATNI KAMSONO KIRAT

MOHD DARBI HASHIM

MOHD DARBI HASHIM

DR IR AHMAD SHUHAIMI ABD RAHIM

DR IR AHMAD SHUHAIMI ABD RAHIM

ISMAIL ABD REJAB

DR ADNAN AHMAD

PROF MADYA RUSDI KUBON

HASHIM AHMAD @ MOHAMED

HASHIM AHMAD @ MOHAMED

HASHIM AHMAD @ MOHAMED

DR MOHD SAZILI SHAHIBI

DR MOHD SAZILI SHAHIBI,

DR ZULKIFLI ABD LATIFF

DR ZULKIFLI ABD LATIFF

DR ZULKIFLI ABD LATIFF

AHMAD FAISAL MOHAMED FLAH

SAHARUDIN LIN

SAHARUDIN LIN

SETIAUSAHIA

FATIMAH CAREY

ALI MOHAMAD

J.E. VAS

T.MARIAPAN

S.KANNASEELAN

SPS SUBRIANAM

HO JUAN KENG

WILLIAM NUB

RASAR JURAIMI

AHMAD ZAMRI KAMARUDIN

AHMAD ZAMRI KAMARUDIN

A. RAZAK BABI

SHAIK IBRAHIM SHAIK OMAR

RAMLI IBRAHIM

RAFATHARUN

MOHD NOH NYATA

WAN ISMAIL WAN YUSOF

MOHD BASHIR MOHD SHUB

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

YM RAJA ROSLAN RAJA ABD RAHMAN,

MOHD HANAPPAH MOHD YUSOF

MOHD HANAPPAH MOHD YUSOF

DR MOHD AZAM MOHD ADIL

SARIMAH ISMAIL

DR NORMALY KAMAL ISMAIL,

NORSHIFA SAIDIN

DATIN DR SARIMAH ISMAIL

DATIN DR SARIMAH ISMAIL

NORSHIFA SAIDIN

DR MAZLAN CHE SOH

DR MAZLAN CHE SOH